

## BANK ISLAM NAIK TARAF 21 BOT NELAYAN B40

Dana sosial bernilai lebih RM100,000 mengurangkan pergantungan terhadap diesel serta menjaga kesejahteraan hidup nelayan dan alam sekitar

**MERSING, Rabu, [3 Julai 2024]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) memperluaskan inisiatif kewangan inklusif demi menjana impak sosial menerusi pemasangan panel solar fotovoltan (PV) pada 21 buah bot nelayan B40 di Pengkalan Sungai Mersing, Johor.

Projek Sistem Tenaga Elektrik Solar Terasing, yang mengubah bot-bot nelayan terlibat kepada Bot Eko-PV Pintar (Smart Eco-PV Boat), dijayakan dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Projek bernilai lebih RM100,000 ini dibiayai menerusi sumbangan awam kepada Sadaqa House yang merupakan pemacu kewangan sosial Bank Islam yang diiktiraf di peringkat global. Usaha kelestarian ini dijangka mampu mempertingkatkan keupayaan aktiviti perikanan, di samping memberi penjimatan kepada nelayan dan memelihara ekosistem alam sekitar, khususnya lautan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed berkata, projek ini memperlihatkan komitmen Bank Islam dalam mendukung matlamat Malaysia mencapai 40 peratus penggunaan tenaga boleh diperbaharui menjelang tahun 2035 seperti yang dinyatakan dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

"Bot nelayan terlibat akan dilengkapi ciri-ciri yang mampan seperti peralatan elektrik cekap tenaga serta memanfaatkan sumber tenaga yang diperoleh menerusi pemasangan panel solar PV pada bahagian atas bot. Peralatan-peralatan ini bukan sahaja meningkatkan keupayaan bot tetapi juga mengurangkan kemungkinan pencemaran air dan bunyi serta pembebasan karbon, di samping memberikan penjimatan diesel sebanyak anggaran RM150 sebulan kepada nelayan-nelayan tersebut, sekali gus dapat membantu meningkatkan aliran tunai bagi kesejahteraan hidup mereka," katanya.

Turut hadir pada Majlis Perasmian Projek Pembangunan Sistem Tenaga Elektrik Solar Terasing kepada 21 buah Bot Nelayan hari ini termasuk Timbalan Pendaftar, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UTM, Arman Md Yasin; Ketua Pengarah LKIM, Hamdan Mamat dan LKIM Negeri Johor, Intan Suhaila Othman.

Mohd Muazzam memaklumkan bahawa buat pertama kali dalam sejarah kerjasama Bank Islam bersama UTM, pemasangan panel solar kali ini turut dijayakan oleh 13 institusi kemahiran dan pengajian tinggi di seluruh negara yang membabitkan 180 pelajar dan warga kerja.

Institusi-institusi pengajian terlibat adalah Institut Latihan Perindustrian (ILP) Mersing, Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang, Politeknik Port Dickson, Politeknik Muadzam Shah, Politeknik Mersing, Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail, Kolej Komuniti Jempol, Kolej Komuniti Kuala Langat, Kolej Komuniti Segamat 2, Kolej Komuniti Beaufort, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Jitra, Institut Kemahiran Mara (IKM) Johor Bahru, Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Batu Pahat.

"Projek di Mersing ini telah bermula pada Februari dan selesai sepenuhnya pada 30 April lalu. Alhamdullilah, kami melihat hasil yang menggalakkan menerusi penyediaan kemudahan ini pada bot-bot terlibat," katanya.

Sejak dilantik sebagai rakan pelaksana Sadaqa House Bank Islam pada 2018, kerjasama dengan UTM telah menyediakan sistem solar kepada empat penempatan perkampungan. Ia terdiri daripada tiga kampung Orang Asli iaitu di Woh Intake di Tapah, Perak; Tewowoh, Mersing, dan Pucur, Kluang, Johor serta sebuah kampung nelayan atas air iaitu Kampung Linting, Pulau Tanjung Surat, Johor.

Sejak 2018, Sadaqa House menyalurkan sejumlah lebih RM400,000 bagi penyediaan sumber tenaga boleh diperbaharui kepada kumpulan masyarakat rentan di luar bandar.

Mohd Muazzam menambah, "Kami komited untuk menggerakkan usaha-usaha perkongsian rezeki dengan pelbagai golongan sasar bagi memastikan rangkuman kewangan menyeluruh dan kerjasama dengan UTM dan LKIM akan membolehkan kami menyediakan manfaat berkekalan demi kebijakan dan pembangunan nelayan Malaysia."

Sementara itu, Ketua Pengarah LKIM, Hamdan Mamat berkata, "Pihak LKIM mengalu-alukan mana-mana pihak dalam memberikan sumbangan kepada nelayan bagi memajukan sektor perikanan negara. Dengan adanya sistem yang lebih moden dan berinovatif ini, ia dilihat dapat meningkatkan lagi bekalan sumber protein negara dan mengurangkan kebergantungan import makanan.

"Selain itu, sistem penangkapan ikan yang semakin moden dapat menarik anak-anak muda untuk menjadi nelayan dan menganggap nelayan merupakan satu pekerjaan profesional yang menguntungkan dan menarik, seiring peredaran masa dan teknologi terkini. LKIM menghargai kerjasama daripada pihak Bank Islam dan pihak UTM atas sumbangan dari segi kelengkapan dan tenaga sepanjang projek ini berlangsung," katanya.

Menurut Naib Canselor UTM, Prof. Datuk. Ts. Ir. Dr. Ahmad Fauzi Ismail, UTM sentiasa mengutamakan perkhidmatan kepada masyarakat watan di luar sana bagi membolehkan mereka menikmati kehidupan yang lebih baik dan memperoleh pelbagai kemudahan yang lebih kondusif. UTM juga sentiasa berkolaborasi dengan institusi-institusi TVET dalam melaksanakan program berkaitan khidmat masyarakat.

"Kami berharap dengan sumbangan daripada segi kepakaran dan tenaga kerja semua staf dan pelajar UTM dapat memberi manfaat berganda dan berpanjangan kepada nelayan di Mersing ini," ujar beliau.

Orang ramai yang ingin menyumbang demi kesejateraan masyarakat terpinggir, rentan dan B40, boleh boleh menyalurkan sumbangan mereka ke Sadaqa House di nombor akaun 14014010188888 atau melayari laman [www.sadaqahouse.com.my](http://www.sadaqahouse.com.my) untuk maklumat lanjut.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Sila emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.